

Aplikasi Kemahiran Berfikir Aras Tinggi (KBAT) dalam Pendidikan Islam Mengikut Bidang

Higher Order Thinking Skills (HOTS) Application in Islamic Education by Field

Wan Ali Akbar Wan Abdullah¹, Nursafra Mohd Zhaffar², Ab. Halim Tamuri³

¹ Fakulti Pendidikan, Universiti Kebangsaan Malaysia, Bangi, Selangor;

² Kolej Komuniti Kuala Pilah, Kuala Pilah, Negeri Sembilan

³ Kolej Universiti Islam Antarabangsa Selangor, Kajang, Selangor;

Article progress

Accepted: 8 Oktober 2019

Reviewed: 19 November 2019

Published: 31 Mei 2020

*Corresponding author:

Wan Ali Akbar Wan Abdullah,
Fakulti Pendidikan, Universiti
Kebangsaan Malaysia, Bangi,
Selangor;

Email:

wanaliakbar.kpm@gmail.com

Abstrak: Islam menggalakkan budaya berfikir dalam kalangan manusia. Galakan ini dapat mengelakkan budaya taqlid buta. Kepentingan budaya berfikir disedari oleh semua pihak. Maka KPM juga menekankan Kemahiran Berfikir Aras Tinggi (KBAT) dalam pembelajaran semua subjek termasuk Pendidikan Islam. Walaubagaimanapun, Pendidikan Islam adalah subjek yang mempunyai empat bidang, iaitu; al-Quran dan al-Hadis, Akidah, Fikah dan Akhlak. Setiap bidang mempunyai disiplin ilmu yang berbeza. Maka, aplikasi KBAT pada setiap bidang juga berbeza. Artikel ini bertujuan menganalisis aplikasi KBAT berdasarkan setiap bidang tersebut. Kaedah analisis dokumen dijalankan dengan meneliti secara sistematik kajian-kajian lepas dan ayat al-Quran yang berkaitan dengan kemahiran berfikir umumnya dan kemahiran berfikir aras tinggi khususnya. Kemudian hasil penelitian tersebut dikategorikan kepada tema-tema yang menggambarkan KBAT mengikut bidang dalam Pendidikan Islam. Kesimpulannya, dalam Pendidikan Islam, berfikir pada aras tinggi boleh dikategorikan mengikut pecahan bidang ilmu. Proses ini dipengaruhi oleh keluasan dan kedalaman penguasaan ilmu seseorang individu.

Kata kunci: Pendidikan, Pendidikan Islam, KBAT

Abstract: The promotion of thinking culture in Islam is recognised by the society nowadays. Thus, the encouragement of thinking culture helps to prevent the blind thinking culture also known as taqlid. The idea of higher order thinking skill (HOTS) has been emphasized by Ministry of Education in teaching and learning process including Islamic Education (IE). However, IE distinguished the culture in four disciplines namely Quran and Hadith, Akidah, Fikah and Akhlak, which require unique approach for each discipline. This article predetermined to analyse the application of HOTS in this four distinguish discipline. The method used in this study is document analysis. Previous researches and verses in Quran that related to thinking skills were systematic examined. This research suggests that HOTS to be categorized into identical themes that illustrate HOTS in IE. The research concluded, HOTS in IE are unique by its knowledge area. This process was influenced by the breadth and depth of knowledge that individual possesses.

Keywords: Education, Islamic Education, HOTS

Pengenalan

Era globalisasi kini dengan perkembangan teknologi maklumat yang pesat menjadikan kita lebih mudah

terdedah kepada budaya, gaya hidup, sistem nilai dan amalan asing yang boleh mempengaruhi keperibadian (Mohd Zaidi 2013). Pada pandangan sudut berbeza, kemajuan teknologi maklumat juga menjadikan urusan


kehidupan lebih cepat dan mudah. Teknologi ini memberi kesan ke atas keupayaan memproses, memilih dan menyebarkan maklumat. Implikasinya, perubahan turut berlaku ke atas cara belajar, mengajar dan menggunakan ilmu pengetahuan (Robiah Sidin 1998). Namun, fenomena negatif 'lebih muatan maklumat' seperti kecewa, lemah semangat dan fikiran kacau bilau boleh berlaku lantaran lambakan maklumat yang rencam. Ini disebabkan maklumat yang dilihat saling bertentangan, tidak bermakna malah menimbulkan kekeliruan (Mohd Sani 2009; Wan Mohd Nor 2007). Perkara ini menuntut kita agar mempunyai kemahiran menyelesaikan masalah dan membuat keputusan dengan tepat (KPM 2013). Dua kemahiran ini memerlukan daya fikir beraras tinggi melibatkan keupayaan menyaring maklumat, mentafsir dan mencerna melalui penelitian untuk memperoleh makna yang berguna (Halpern 1998).

Kemahiran Berfikir Aras Tinggi

Pemikiran aras tinggi didefinisikan sebagai penggunaan minda untuk mentafsir, menganalisis atau memanipulasi maklumat untuk menyelesaikan masalah yang tidak mampu dijawab melalui aplikasi rutin ilmu sedia ada (Newmann, 1992). KBAT juga diperlukan dalam membuat penaaakulan dan refleksi untuk berinovasi dan mencipta sesuatu (Kementerian Pendidikan Malaysia, 2014; Rajendran 2013). Dapat difahami bahawa KBAT menuntut aplikasi pengetahuan, kemahiran dan nilai yang dimiliki pelajar digembling secara sepadu merentasi bidang.

Menurut KPM (2013), KBAT merujuk kepada kemahiran mengaplikasi, menganalisis, menilai dan mencipta. Ini berdasarkan Taksonomi Bloom edisi semakan (Anderson et al. 2001) (Rujuk Rajah 1). KBAT dinyatakan dalam kurikulum secara eksplisit supaya guru dapat menterjemahkan ke dalam pengajaran dan pembelajaran (PdP) bagi merangsang pemikiran berstruktur dan berfokus dalam kalangan murid (KPM 2017).

Rajah 1. Hierarki Berfikir menurut Taksonomi Bloom edisi semakan



Berfikir dalam Islam

Islam menggalakkan aktiviti berfikir. Istilah yang digunakan untuk merujuk kepada galakan aktiviti berfikir dalam al-Quran termasuk tafakkur, nadhār, tabassur, ta'ammul, tadabbur, tafaquh, tadhakkur, i'atibar, ta'auqul dan tawassum. Ibn Qayyim (1999) mengklasifikasikan istilah-istilah ini sebagai jalan pemerolehan ilmu sama ada melalui penelitian ke atas ayat-ayat Allah yang terkandung dalam Al-Quran mahupun di alam semesta. Ini disokong oleh hadis-hadis Nabi antaranya hadis berkaitan ijihad; pertanyaan Nabi kepada Muaz bin Jabal tentang kaedah ber hukum (Abu Daud 1993: No. hadis 3447) dan hadis berkaitan pertanian di mana Nabi ﷺ meninggalkan urusan teknikal dan dunia kepada manusia untuk diputuskan (Muslim 1987: No. hadis 2175 & 2176).

Galakan berfikir ini dinukilkan Allah dalam banyak ayat al-Quran. Antaranya mengenai larangan bertaklid (Al-Maidah:104). Taklid dimaksudkan sebagai menerima sesuatu tanpa hujah (al-Ghazali 1997). Orang yang bertaklid akan percaya, berpegang dan beramal dengan sesuatu pendapat terdahulu tanpa sangkalan atau cubaan mencari kesahihan pendapat tersebut. Beragama secara warisan dan amalan bertaklid menimbulkan salah faham dan kebekuan mentaliti. Implikasinya, khurafat berleluasa dan agama berfungsi sebagai sistem kepercayaan tanpa memberi impak kepada daya fikir dan daya amal (Sidek Baba 2011).

Sementara itu, al-Ghazali (1984) menghuraikan penyuburan taklid buta dalam diri mengakibatkan seseorang tidak mampu melihat sesuatu perkara syariah secara menyeluruh, bahkan seakan-akan kesemuanya saling bertentangan antara satu sama lain. Maka, di sinilah perlunya kegiatan berfikir. Terdapat tiga kaedah asas berfikir dalam Islam menurut Noor Hisham (2014) iaitu a) menyelidik kebenaran sesuatu perkara sebelum menerima, b) membuat keputusan berdasarkan tanda-tanda berupa bukti dan alasan, dan c) tidak bertaklid kepada satu pandangan tanpa usaha untuk memahaminya.

Dalam Al-Quran, konsep akal mempunyai perkaitan dengan qalb, ruh dan nafs sebagai hakikat yang sama dari unsur rohaniah manusia. Keempat-empat istilah ini merujuk kepada hakikat diri manusia yang berkemampuan untuk mengetahui dan merasa. Bezanya adalah dari sudut fungsinya sahaja iaitu dinamakan akal ketika terlibat dalam proses berfikir atau memahami, nafs dirujuk apabila digunakan mentadbir jasad, qalb pula dirujuk apabila sedang menerima ilham, manakala istilah ruh merujuk kepada unsur abstraknya yang tersendiri (al-Ghazali 1988; Wan Mohd Nor 1995). Justeru, dapat difahami bahawa kemampuan mengetahui dan merasa yang dimiliki oleh

manusia bukan sekadar hasil peranan daya akal semata-mata, namun berkait rapat dengan petunjuk Allah yang diterima oleh hati.

Kemahiran Berfikir Aras Tinggi Dalam Pendidikan Islam

Menurut Nursafra Mohd Zhaffar (2017), kemahiran berfikir dalam sistem pendidikan Malaysia bermula seiring dengan kewujudan unsur teras KBSM pada 1989. Setelah semakan kurikulum pada 2000, elemen Kemahiran Berfikir Kritis dan Kreatif (KBKK) telah disepadukan ke dalam kurikulum untuk menghasilkan murid yang mampu menyelesaikan masalah dan membuat keputusan. Pada tahun 2013, atas dasar peningkatan kualiti pendidikan, Kementerian Pendidikan Malaysia telah memperkenalkan Kemahiran Berfikir Aras Tinggi (KBAT) sebagai kesinambungan daripada KBKK. Transformasi ini dilancarkan menerusi Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia (2013-2025) atas dasar mempersiapkan generasi hari ini untuk menghadapi masa depan yang begitu mencabar.

Pengenalan kepada KBAT adalah sebahagian usaha mencari petunjuk-petunjuk dan membentuk hujah berdasarkan bukti. Usaha ini adalah usaha yang bermanfaat. Malah, proses tersebut memandu fikiran kepada penemuan kebenaran (An-Namlu, 27:64). Oleh itu, Islam mengiktiraf penggunaan potensi akal secara maksimum. Kegiatan berfikir beraras tinggi seperti mengaplikasi, menganalisis, menilai dan mencipta termasuk dalam kemahiran yang perlu dipupuk dalam proses pendidikan akal. Berikut bakal dibincangkan aplikasi KBAT dalam Pendidikan Islam mengikut bidang.

Bidang al-Quran dan Hadis

Al-Quran dan hadis adalah dua sumber yang tertinggi bagi umat Islam. Al-Quran ialah kalam Allah yang diturunkan kepada Nabi Muhammad s.a.w. dan dikira ibadah apabila membacanya (Mutawalli Sya'rawi 1978; Manna' al-Qattan 2000). Al-Quran adalah panduan bagi umat Islam. Panduan itu meliputi segala jenis ilmu, terutamanya ilmu-ilmu dalam pengajian Islam seperti Akidah, Fikah, Sirah dan Adab. Selain itu, ilmu-ilmu fardhu kifayah seperti ilmu Falak, Geografi, Sains dan sebagainya turut dapat digali daripada al-Quran.

Hadis pula ialah ucapan, perbuatan, pengakuan (atau persetujuan) atau sifat yang disandarkan kepada Nabi Muhammad s.a.w (Manna' al-Qattan 1992; Mahmud Tahhan 1984; Abu Laith 2004). Penerimaan Hadis sebagai sumber kedua tertinggi disandarkan kepada banyak ayat al-Quran seperti kewajipan mentaati Rasulullah selepas ketaatan kepada Allah (Ali

Imran, 3: 132; Muhammad, 47: 33) dan Rasulullah tidak memperkatakan sesuatu menurut kemahuan dan pendapat baginda, sebaliknya segala ucapan baginda adalah wahyu Allah (an-Najmu, 53: 3-4). Allah turut menjelaskan bahawa kewajipan Rasulullah adalah menyampaikan perintah-perintah Allah dengan keterangan yang jelas dan nyata (at-Taghabun, 64: 12; al-Ma'idah, 5: 92). Maka, kerana itu Hadis mempunyai tiga peranan penting kepada al-Quran, iaitu; 1) memperkuat pernyataan yang ada dalam al-Quran, 2) memperincikan pernyataan yang sedia ada dalam al-Quran, dan 3) menerangkan pernyataan yang tiada dalam al-Quran (Abu Laith 2004).

Al-Quran dan Hadis tidak boleh ditafsirkan menggunakan akal semata-mata. Sebaliknya perlu ada kefahaman terhadap ilmu tertentu untuk menafsir al-Quran dan Hadis. Keadaan seperti ini yang menyebabkan para sahabat begitu berhati-hati ketika menafsirkan al-Quran (al-Qardhawi 2001). Ilmu yang diperlukan untuk menafsir al-Quran antaranya; ilmu qiraat dan bahasa Arab, ilmu asbab nuzul, ilmu an-Nasikh wal Mansukh, ilmu-ilmu yang berkaitan dengan topik ayat seperti ilmu Tauhid dan ilmu Usul serta pengetahuan tentang ayat al-Quran dan Hadis yang lain serta tafsiran para ahli tafsir yang muktabar (Manna' al-Qattan 2000). Ilmu-ilmu ini diperlukan agar tafsiran yang lebih tepat dapat dibuat. Begitu juga dengan Hadis, memerlukan ilmu seperti asbab wurud, ilmu ar-Riwayah dan ad-Dirayah, al-Jarh wa at-Ta'dil dan sebagainya untuk mensyarahkan sesuatu hadis. Maka, kerana itu hanya orang yang mempunyai ilmu yang cukup sahaja dibenarkan menafsirkan al-Quran dan Hadis.

KBAT bagi bidang al-Quran dan Hadis, dapat disimpulkan seperti berikut:

Aplikasi	Mencari maklumat daripada kitab tafsir atau kitab hadis yang muktabar. Bertanya kepada ahli tafsir atau ahli hadis.
Analisis	Fokus kepada setiap tafsiran al-Quran atau syarah hadis yang telah dikumpul, kemudian berusaha memahami kaitan antara setiap satu tafsirannya. Tujuannya untuk memahami konteks sebenar ayat al-Quran dan Hadis.
Menilai	Menyaring maklumat yang didapati daripada ayat al-Quran dan Hadis supaya sesuai dengan topik.
Mencipta	Menyusun semula ayat al-Quran dan Hadis supaya sesuai dengan topik

yang dihuraikan sama ada melalui penyampaian lisan atau pun penulisan.

Contohnya, Allah berfirman dalam ayat 191 surah al-Baqarah yang bermaksud, “Dan fitnah itu lebih dasyat daripada membunuh.” Apa yang difahami daripada ayat itu secara bahasa adalah fitnah itu fitnah. Sebaliknya, apabila dirujuk kepada kitab tafsir, dapat difahami bahawa al-fitnah dalam ayat itu merujuk kepada perbuatan syirik (Ibn Katsir 2008). Maka, ayat itu tidak sesuai dimasukkan dalam topik fitnah, sebaliknya perlu dimasukkan dalam topik syirik.

Bidang Akidah

Akidah adalah bidang yang membincangkan tentang kepercayaan dan pegangan umat Islam. Enam rukun Iman adalah ilmu asas dan menjadi dasar dalam perbincangan ilmu Akidah. Sumber kepada Akidah adalah al-Quran dan Hadis yang sahih (Mustafa Khin & Muhyiddin Dib Misto 2004). Hadis yang tidak sahih tidak diterima dalam perbincangan ilmu Akidah. Oleh itu, KBAT dalam ilmu Akidah dapat disimpulkan seperti berikut:

- | | |
|----------|----------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------|
| Aplikasi | Mencari maklumat daripada kitab-kitab Akidah yang muktabar atau bertanya kepada ahli ilmu Akidah dan berpegang kepada sesuatu topik yang bersifat qat’ie melalui dalil dan hujah yang ada. |
| Analisis | Memahami perbezaan pandangan yang wujud pada sesuatu topik yang melibatkan cabang dalam bidang Akidah berdasarkan hujah dan dalil yang dipegang oleh setiap pandangan.

Memahami topik-topik tertentu dalam Akidah daripada ilmu-ilmu lain, seperti Sains dan Falak. |
| Menilai | Memilih satu pandangan yang diyakini benar dan berpegang dengan pandangan tersebut berdasarkan hujah dan dalil yang ada.

Menggunakan ilmu lain untuk menambah keyakinan terhadap sesuatu perkara dalam ilmu Akidah. |
| Mencipta | Menghuraikan kepada orang lain topik Akidah itu sama ada melalui |

lisan atau penulisan.

Contohnya, isu tentang Allah itu Wujud dan Allah itu Esa. Maka, cukup sekadar meyakini adanya Allah dan Allah itu Esa berdasarkan dalil yang ada dalam al-Quran. Namun, keyakinan boleh ditambah berdasarkan hujah logik akal sama ada melalui ilmu falsafah, ilmu alam dan seumpamanya. Hal ini dijelaskan oleh al-Qardhawi (2012) bahawa akidah Islam adalah akidah yang dilengkapi dengan hujah yang kuat, bukti yang nyata dan alasan yang jelas yang mampu mengatasi krisis akal dan mampu mengikat hati.

Bagi ilmu yang ada perbezaan pandangan dalam perkara cabang dalam ilmu Akidah, maka pelajar boleh mencari dan cuba memahami hujah serta dalil yang menyebabkan perbezaan berlaku. Contohnya, dalam isu perbezaan pandangan tentang maksud Qadha’ dan Qadar, yang manakah bermaksud ketentuan dan yang manakah bermaksud pelaksanaan. Maka, apabila dalil dan hujah bagi setiap pandangan telah dianalisis, pelajar dipandu untuk menilai kedua-dua pandangan sehingga mereka memilih sendiri manakah pandangan yang diyakini benar berdasarkan hujah dan dalil yang mereka fahami dan pelajari. Di peringkat mencipta, pelajar dapat menghurai kembali topik tersebut dan memberikan kefahaman kepada orang lain terhadap topik tersebut.

Bidang Fikah

Setiap hukum-hakam pada perbuatan dan ucapan setiap manusia dibincangkan dalam ilmu Fikah. Oleh itu, ilmu Fikah secara fitrahnya membincangkan apakah hukum bagi setiap perbuatan dan ucapan manusia, sama ada wajib, sunat, harus, makruh atau haram serta apakah dalil dan hujah yang menyebabkan sesuatu hukum itu ditetapkan sedemikian. Oleh itu, secara fitrahnya, KBAT dalam ilmu Fikah adalah hukum dan alasan. Maka, KBAT dalam ilmu Fikah dapat disimpulkan seperti berikut:

- | | |
|----------|---------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------|
| Aplikasi | Mencari maklumat daripada kitab Fikah yang muktabar atau bertanya kepada ahli Fikah tentang hukum sesuatu perbuatan dan berpegang kepada sesuatu topik yang bersifat qat’ie melalui dalil dan hujah yang ada. |
| Analisis | Memahami perbezaan pandangan yang wujud pada sesuatu topik yang melibatkan cabang dalam bidang Fikah berdasarkan hujah dan dalil yang dipegang oleh setiap pandangan. |

Memahami hikmah pensyariatan hukum sesuatu perkara dalam Fikah daripada ilmu-ilmu lain, seperti ilmu perubatan dan ilmu sosial.

Memahami illah kepada pensyariatan sesuatu perkara dalam Fikah.

Menilai Memilih satu pandangan yang diyakini benar dan berpegang dengan pandangan tersebut berdasarkan hujah dan dalil yang ada.

Menggunakan ilmu lain untuk menambah keyakinan terhadap keperluan melaksanakan sesuatu perkara itu mengikut tatacara yang benar seperti yang dijelaskan dalam al-Quran atau Hadis.

Menilai sesuatu perkara baru yang tiada dalam nas untuk difahami illah atau sebab sesuatu itu boleh atau tidak boleh diamalkan.

Mencipta Menghuraikan kepada orang lain topik Fikah itu sama ada melalui lisan atau penulisan.

Berijtihad hukum-hakam terhadap sesuatu perkara yang baru berdasarkan illah kepada sumber al-Quran dan Hadis.

Contohnya, solat itu wajib berdasarkan banyak dalil daripada al-Quran atau Hadis. Mencari dan memahami dalil tersebut secara khusus adalah sesuatu yang bersifat aplikasi. Walaubagaimanapun, dalam topik solat, ada juga banyak perkara cabang yang diperbincangkan yang menyebabkan aplikasi terhadap solat itu berbeza-beza seperti cara turun untuk sujud, bacaan Qunut dalam solat Subuh dan sebagainya. Maka, pelajar perlu menganalisis untuk memahami perbezaan pandangan yang wujud itu berdasarkan kepada dalil dan hujah masing-masing. Pelajar yang berjaya menilai dan seterusnya memilih satu pandangan yang diyakini benar dapat membantu dia mengaplikasi sesuatu perkara dalam Fikah dengan lebih yakin. Kemudian, KBAT yang tertinggi adalah pelajar dapat menghurai kembali topik tersebut beserta

aplikasi yang benar sama ada melalui penulisan atau lisan.

Selain itu, pelajar juga dapat memahami hikmah pensyariatan sesuatu perkara melalui ilmu lain. Contohnya, puasa mempunyai hikmah yang besar kepada kesihatan diri manusia, terutamanya melalui proses detoksifikasi, iaitu proses mencuci dan membersihkan racun atau toksin dari badan (Danial Zainal Abidin 2014). Apabila seseorang pelajar memahami hikmah ini, maka ia dapat membantu mereka untuk melaksanakan ibadah itu dengan lebih yakin akan kebesaran Allah dalam mengatur kehidupan makhluk-Nya.

Dari sudut mengetahui illah serta berijtihad sesuatu hukum pada perkara yang baru, ia lebih sesuai bagi orang alim seperti mufti dan mujtahid. Ia tidak sesuai untuk dibincangkan pada peringkat pelajar sekolah. Walaubagaimanapun, ia adalah KBAT peringkat tertinggi dalam ilmu Fikah. Perlu kepada kefahaman terhadap ilmu usul al-Fikah, ilmu sumber al-Quran dan Hadis dan lain-lain untuk berijtihad.

Bidang Akhlak

Akhlak adalah ilmu yang membincangkan tentang kecantikan keperibadian seseorang individu. Walaupun ilmu Akhlak meraikan pertimbangan akal yang sihat kepada penentuan sesuatu akhlak yang baik ataupun tidak, namun sandaran al-Quran dan Hadis tetap menjadi keutamaan agar pertimbangan yang dibuat tidak terkeluar daripada landasan syariat yang sebenar. KBAT dalam ilmu Akhlak dapat disimpulkan seperti berikut:

Aplikasi Mencari maklumat daripada kitab Akhlak yang muktabar atau bertanya kepada ahli ilmu Akhlak tentang sesuatu amalan yang baik yang perlu diamalkan dan amalan yang buruk yang perlu dijauhi beserta dalil al-Quran dan Hadis serta contoh daripada Sunnah Rasulullah.

Mengamalkan akhlak mahmudah dan menjauhi akhlak mazmumah yang bersifat qat'ie melalui dalil dan hujah yang ada.

Analisis Memahami hikmah di sebalik kebaikan sesuatu akhlak mahmudah dan keburukan di sebalik sesuatu akhlak mazmumah, terutamanya daripada sudut ilmu sosiologi, iaitu

kebaikan dan keburukan kepada kepentingan diri dan kepentingan umum.

- Menilai Memilih dan membuat keputusan terhadap sesuatu isu atau konflik yang timbul, terutama apabila melibatkan pertembungan terhadap kepentingan diri dan kepentingan masyarakat umum.
- Mencipta Menghuraikan akhlak mahmudah dan akhlak mazmudah dan yang perlu diamalkan dan yang perlu dijauhi berdasarkan hujah dan dalil naqli dan akli melalui lisan atau penulisan.

Contohnya, Islam menggalakkan sifat pemurah, namun melarang sifat kedekut dan boros. Pemurah berada di antara sifat kedekut dan boros. Namun, apakah garisan sempadan antara pemurah dengan kedekut dan boros? Itu yang menjadi perbincangan dalam ilmu Akhlak. Pertimbangan seperti ini memerlukan hujahan akal yang disandari dalil naqli dan akli.

Konsep Keluasan dan Kedalaman Ilmu

Berdasarkan perbincangan terhadap bidang ilmu dalam pendidikan Islam, dapat difahami bahawa KBAT dalam pendidikan Islam turut dipengaruhi oleh keluasan dan kedalaman penguasaan ilmu seseorang individu. Maka, kedalaman dan keluasan ilmu seseorang terhadap ilmu atau ilmu-ilmu yang digunakan dalam sesuatu bidang dapat mempengaruhi keputusan atau kesimpulan yang dibuat. Keluasan ilmu boleh merentasi bidang ilmu dalam pendidikan Islam serta merentasi bidang ilmu lain seperti Sains, Geografi, Falak, Sosiologi dan sebagainya, berdasarkan topik yang dibincangkan (Rajah 2).

Rajah 2: Keluasan dan Kedalaman Ilmu untuk Proses KBAT



Contohnya, sumber daripada al-Quran menceritakan mengenai proses penciptaan manusia dalam rahim ibu (Ghafir, 40: 67). Orang yang mengkaji

al-Quran mengetahui tentang perkara ini sejak 1400 tahun yang lepas. Namun, tiada bukti dan hujah yang lain selain daripada al-Quran. Maka, jika diamati pada kitab tafsir seperti tafsir Ibn Katsir, ayat ini akan ditafsir dari sudut ilmu Akidah dengan mengaitkan peringkat kehidupan manusia dengan kekuasaan Allah yang berupaya mencipta peringkat-peringkat perkembangan bayi dalam rahim ibu (Ibn Katsir 2008). Keadaan ini berubah apabila Antonie Van Leeuwenhoek, seorang ahli biologi menemui sperma pada tahun 1677 (M. Karamanou et al. 2010). Maka, proses KBAT yang berlaku dalam kajian beliau telah membuktikan kemukjizatan dan kebenaran al-Quran dari sudut ilmu biologi. Bagi pelajar, ilmu-ilmu yang merentas subjek seperti ini boleh digunakan pada tahap pengetahuan mereka sama ada melalui pembacaan, pemerhatian, eksperimen dan sebagainya.

Begitu juga dengan ilmu berupa hafalan al-Quran. Hafalan al-Quran dan hadis mampu menyumbang kepada keluasan ilmu yang pelajar miliki. Hal ini kerana apabila ingin menyelesaikan masalah, situasi atau konsep baru memerlukan ingatan kepada indikator konsep asas dan eksplisit dalam perkara yang difikirkan (Halpern 1998). Maka, lebih banyak hafalan yang dimiliki, lebih mudah proses KBAT dilaksanakan. Berfikir dan menghafal dapat diseimbangkan penggunaannya sepertimana ulama silam yang cemerlang dalam kedua-dua perkara. Ini merupakan keunikan konsep KBAT dari sudut pandang Islam kerana pengiktirafan terhadap hafalan sebagai satu sokongan penting kepada operasi kognitif menuju pemikiran beraras tinggi (Mohd Zaidi 2014).

Sebenarnya, KPM ada mengusahakan supaya berlakunya konsep keluasan dan kedalaman ilmu melalui pelaksanaan sistem modular (KPM 2017). Perkara ini disebar luaskan melalui moderasi yang dilakukan kepada guru-guru di seluruh Malaysia melalui kursus penataran KSSM dan kursus-kursus yang lain. Walaubagaimanapun, kajian lanjut perlu dilakukan untuk menilai tahap keberkesanan program tersebut.

Kesimpulan

Kesimpulannya, Islam mengiktiraf penggunaan potensi akal secara maksimum atau berfikir pada aras tinggi. Dalam Pendidikan Islam, berfikir pada aras tinggi boleh dikategorikan mengikut pecahan bidang ilmu. Proses ini turut dipengaruhi oleh keluasan dan kedalaman penguasaan ilmu seseorang individu. Pada akhirnya, penggunaan akal ini ditujukan untuk memperdalamkan keimanan seseorang sama ada melalui sebaran manfaat mahupun sebagai jalan menemui kebenaran.

Di pihak KPM, Jurulatih Utama (JU) Pendidikan

Islam boleh dikategorikan mengikut pakar bidang dan bukannya Pendidikan Islam secara umum. JU tersebut dapat membantu guru Pendidikan Islam yang lain dalam mengaplikasikan KBAT dalam Pendidikan Islam secara lebih berkesan. Selain itu, satu buku panduan khusus mengenai KBAT dalam Pendidikan Islam boleh diterbitkan. Hal ini kerana perbezaan disiplin ilmu yang ada pada setiap bidang, perlu dijelaskan dengan lebih terperinci.

Rujukan

Al-Quran al-Karim

Abu Daud, Sulaiman. 1993. Sunan Abi Daud. Terj. H. Bey Ariffin & A. Syinqithy Djamaluddin. Semarang: Penerbit CV. Asy Syifa'.

Abu Laith. 2004. Ulum al-Quran: Asiluha wa Ma'siruha. Bangi: Darul Syakir.

al-Ghazali, Abu Hamid. 1997. Al-Mustasfa min Ilm al-Usul. Vol. 1. Ed. Muhammad Sulayman al-Asyqar. Beirut: Mu'assasah al-Risalah.

al-Ghazali. 1984. Timbangan Amal Menuju Kebahagiaan Akhirat. Terj. M. Ali Chasan Umar & A. Chumaidi Umar. Kuala Lumpur: Penerbit Alharamain (M) Sdn. Bhd.

al-Ghazali. 1988. Ihya Ulumiddin Jiwa Agama. Terj. Ismail Yakub, TK.H. Edisi Malaysia. Kuala Lumpur: Victory Ajensi.

Al-Qardhawi, Yusuf. 2001. Al-Quran dan as-Sunnah: Referensi Tertinggi (Terj: Bahruddin Faunani). Batu Caves: Penerbitan Darul Iman.

Al-Qardhawi, Yusuf. 2012. Fleksibiliti Islam (Terj: Muhammad Zaini Yahya). Bangi: Syabab Publishing.

Anderson, Lorin W. & Krathwohl, David R. 2001. A Taxonomy for Learning, Teaching and Assessing: a Revision of Bloom's Taxonomy. New York. Longman Publishing

Danial Zainal Abidin. 2014. Quran Saintifik. Batu Caves: PTS Millennia.

Halpern, D. F. 1998. Teaching critical thinking for transfer across domains: Dispositions, skills, structure training, and metacognitive monitoring. *American Psychologist* 53(4): 449-455.

Ibn Katsir, Abul Fida' Ismail bin Umar. 2008. Tafsir al-Quran al-'Azim. Beirut: Muassasah ar-Risalah.

Ibn Qayyim, al-Jawziyah Muhammad ibn Abi Bakr. 1999. Buah Ilmu. Terj. Fadhli Bahri. Jakarta: Pustaka Azzam.

KPM. 2013. KBAT: Inisiatif Kemahiran Berfikir Aras Tinggi di Sekolah. Putrajaya: Bahagian Pembangunan Kurikulum.

KPM. 2014. Laporan Tahunan 2013 Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia, Jun.

KPM. 2017. Dokumen Standard Kurikulum dan

Pentaksiran Tingkatan 2 Pendidikan Islam Kurikulum Standard Sekolah Menengah. Putrajaya: Bahagian Pembangunan Kurikulum.

M. Karamanou, E. Poulakou-rebelakou, M. Tzetis & G. Androustos. 2010. Anton van Leeuwenhoek (1632 – 1723): Father of Micromorphology and Discoverer of Spermatozoa. *Revista Argentina de Microbiologia* 42: 311-314.

Mahmud Tahhan. 1984. Taisir Mustalah al-Hadis. Kuwait: Darul Turath.

Manna al-Qattan. 2000. Mabathith fi Ulumil Quran. Maktabah al-Maarif.

Manna' al-Qattan. 1992. Mabathith fi Ulumil Hadis. Qaherah: Maktabah Wahbah.

Mohd Sani Badron. 2009. Zaman ledakan maklumat dan kemajuan pengetahuan dalam kerangka pandangan hidup Islam. *AFKAR* 10: 83-108.

Mohd Zaidi Ismail. 2013. Kerangka Aqal-Naqal dan Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia 2013-2025: Beberapa Catatan Pemerhatian Awal. Kertas Kerja Seminar Pemerkasaan Pengajaran Agama Islam di Malaysia: Menilai Cabaran Semasa Guru Pendidikan Islam. Anjuran IKIM dan KPM, 24-25 Sept.

Mohd Zaidi Ismail. 2014. Islam & Higher-order Thinking: An Overview. Kuala Lumpur: Penerbit IKIM.

Muslim, al-Imam Hajjaj Al-Qusyairi An-Nisaburi. 1987. Shahih Muslim. Terj. Ma'mur Daud. Selangor: Klang Book Centre.

Mustafa Khin & Muhyiddin Dib Misto. 2004. Akidah Islamiah (Terj: Mohd Yusof, Mohd Zaidi, Abdul Basit & Saiful Nizam). Negeri Sembilan: Jabatan Mufti Negeri Sembilan.

Mutawalli Sya'rawi. 1978. Mukjizat al-Quran. Kaherah: al-Mukhtar al-Islami.

Newmann, F. M. 1992. Student Engagement and Achievement in American Secondary Schools. Amsterdam: Teachers College Press.

Noor Hisham Md. Nawi. 2014. Sinergisme Pemikiran Islam Kritis Kreatif. Kelantan: Penerbit Universiti Malaysia Kelantan.

Nursafra Mohd Zhaffar. 2017. Kefahaman dan Amalan Penerapan Pemikiran Kritis dalam Pengajaran Pendidikan Islam Sekolah Menengah. Tesis PhD. UKM.

Rajendran, N. S. 2013. Teaching & Acquiring Higher-Order Thinking Skills: Theory & Practice. Perak: Penerbit Universiti Pendidikan Sultan Idris.

Robiah Sidin. 1998. Pemikiran dalam Pendidikan. Shah Alam: Penerbit Fajar Bakti Sdn. Bhd.

Sidek Baba. 2011. Tajdid Ilmu dan Pendidikan. Kuala Lumpur: Techknowledge Trading Sdn. Bhd & Yayasan Ilmuwan.

Wan Mohd Nor Wan Daud. 2007. Budaya Ilmu:
Satu Penjelasan. Singapore: Pustaka Nasional Pte Ltd